



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Department Of Veterinary Services
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2201
Faks : 603-8888 6051
E-mel : respon@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PENYAKIT AFRICAN SWINE FEVER (ASF) PADA BABI KOMERSIAL DI DAERAH KERIAN, PERAK

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan kejadian penyakit *African Swine Fever (ASF)* pada **dua (2) ladang babi komersial di daerah Kerian, Perak** melalui ujian *Polymerase Chain Reaction (PCR)* oleh Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh pada 17 dan 18 September 2022.

Tindakan kawalan dan pencegahan rebakan penyakit *ASF* telah dilaksanakan termasuk:-

- i. Ladang dijangkiti telah disita dan ditahan daripada sebarang pergerakan keluar masuk babi dan kenderaan;
- ii. Pemantauan (survelan), pemeriksaan klinikal dan persampelan di ladang babi komersial di kawasan terjangkit (Zon Pemantauan/Survelan);
- iii. Survelan lapangan akan terus dipergiat dari masa ke semasa, dan siasatan serta persampelan pada babi komersial di ladang dan rumah sembelih di Perak;
- iv. Bilik Gerakan di DVS Perak dan Pejabat Veterinar Daerah Kerian telah diaktifkan dengan penglibatan Pejabat Daerah Kerian;
- v. Memperketatkan syarat pindah babi dan produk babi dari negeri Perak ke seluruh Semenanjung Malaysia;
- vi. Libat urus dan kempen kepada pengusaha ladang babi komersial untuk memperketatkan biosekuriti ladang;

- vii. Tindakan pelupusan segera ke atas baki populasi babi di ladang terjangkit *ASF*;
- viii. Daya jejak ke atas kenderaan pengangkut babi yang terlibat dengan ladang yang dijangkiti.

Setakat ini, wabak adalah terkawal dan jangkitan **hanya berlaku di daerah Kerian**. Pemindahan keluar babi dan produk babi dari zon pemantauan (survelan) dikawal dengan ketat.

Nasihat kepada penternak babi, doktor veterinar swasta (*servicing vet*), penyembelih (*butcher*), operator rumah sembelih, penangkap babi (*pig catcher*) dan orang ramai :-

- i. Penyakit *ASF* adalah tidak zoonotik (tidak berjangkit pada manusia). Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan tidak panik;
- ii. Sila laporkan dengan kadar segera kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berdekatan atau terus ke Hotline Bilik Pengurusan Krisis Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya menerusi **No. Tel: 03-8870 2041** sekiranya terdapat:-
 - a. Sebarang **kematian luar biasa melebihi 5 ekor/hari** tanpa mengira peringkat umur di **ladang babi** komersial;
 - b. Sebarang **kematian luar biasa melebihi 3 ekor/lori** di **rumah sembelih**;
 - c. Sebarang **tanda klinikal disyaki penyakit berjangkit** di ladang babi dan rumah sembelih.
- iii. Penternak dinasihatkan untuk **tidak menghantar babi ke rumah sembelih** sekiranya ada tanda klinikal disyaki penyakit di ladang;

- iv. Kenderaan pengangkut babi mesti melalui **proses disinfeksi secara menyeluruh (tayar, kepala, semua permukaan luar dan dalam lori termasuk lantai, dinding dan bumbung) sebelum dan selepas keluar dari kawasan rumah sembelih;**

- v. Semua ladang babi komersial **mesti memperkukuhkan amalan dan kemudahan biosekuriti di premis masing-masing** bagi mencegah kemasukan penyakit *ASF* termasuk:-
 - a. **Pagar perimeter mesti lengkap** dan mengelak pencerobohan orang dan haiwan liar (termasuk babi hutan);

 - b. **Tidak berkongsi kenderaan pengangkut babi dengan ladang lain;**

 - c. **Semua kenderaan termasuk pelawat mesti melalui proses disinfeksi sebelum dan selepas keluar dari kawasan ladang;**

 - d. **Semua pakaian, kasut dan peralatan ladang mesti melalui proses disinfeksi** selepas selesai kerja di ladang;

 - e. Disinfektan **mesti bersesuaian** untuk mencegah *ASF* dan **dibancuh mengikut sukatan pada label.**

- vi. Penternak dan pekerja ladang babi dinasihatkan untuk **tidak melawat ladang babi** yang lain bagi mengurangkan risiko jangkitan *ASF*;

- vii. Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membeli babi hidup secara terus dari ladang atau kenderaan pengangkut babi.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

19 SEPTEMBER 2022